

# Penyelidikan, kajian inovasi diberi keutamaan sebagai usaha bangunkan ekonomi negara

NST 13.06.2012 4

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
(balqis@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Aktiviti penyelidikan dan kajian inovasi kini diberikan keutamaan oleh kerajaan sebagai satu usaha untuk membangunkan ekonomi negara, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Menurutnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mencipta satu instrumen baru iaitu 'Malaysia Research Asessement' (MyRA) untuk membolehkan pihak universiti menilai pencapaian sesebuah Institut Pendidikan Tinggi Tempatan (IPT) dalam aspek R&D&C (Research, Development and Commercialization).

"MyRA boleh digunakan oleh IPT untuk memantau prestasi dan menilai pencapaian universiti masing-masing dalam aspek penyelidikan secara tahunan dan hasil dari penye-

lidikan berkenaan mestilah didokumentasikan dalam penerbitan dalam dan luar negara," kata Kamaruzaman dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Pengurus Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah, Dayang Rukiah Awang Amit (gambar) sempena Majlis Perasmian Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi 2012, di UMS, di sini, kelmarin.

"Ini adalah kerana penerbitan universiti dalam jurnal yang terindeks merupakan salah satu perkara yang diambil kira untuk ranking universiti," katanya.

Oleh itu katanya, Bengkel Jurnal Terindeks dan Berimpak Tinggi 2012 ini adalah bertujuan membantu staf akademik dalam menulis dan menerbitkan hasil tulisan mereka dalam jurnal-jurnal terpilih untuk meningkatkan ilmu dan kesarjanaan mereka serta dapat berkongsi ilmu baharu dengan masyarakat.

Sementara itu katanya, peningkatan jumlah

universiti awam pada hari ini meningkatkan lagi kerancakan pembangunan pengajian tinggi negara dan hal ini mewujudkan persaingan sihat untuk menjadi yang terbaik.

Malah katanya, persaingan ini juga turut meliputi universiti-universiti swasta yang masing-masing ingin mencapai kedudukan pengiktirafan atau penarafan yang teratas.

"Persaingan yang wujud ini merupakan isu yang sangat penting kerana ia akan memberi impak kepada mutu dan kualiti penyelidikan dan penulisan ilmiah sesebuah universiti," katanya.

Sementara itu, tahun ini merupakan yang kedua bengkel seumpama ini dilaksanakan dan ia merupakan acara tahunan anjuran Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan kerjasama antara Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah.

